# Delegasi EU, MOSTI bincang isu sijil digital COVID-19 esok

Oleh Mahani Ishak - Julai 6, 2021 @ 2:55pm
mahani@bh.com.my




Kelihatan Petugas KKM menyediakan suntikan vaksin AstraZeneca (AZ) untuk diberikan kepada warga emas di Rumah Victory Elderly Home, Puchong, baru-baru ini.

KUALA LUMPUR: Delegasi Kesatuan Eropah (EU) ke Malaysia dijangka mengeluarkan kenyataan berhubung isu pengiktirafan Sijil Digital COVID-19 EU, esok.

Kenyataan itu dijangka menyusul selepas delegasi berkenaan dijadual mengadakan pertemuan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Perjumpaan itu bagi berbincang mengenai Sijil Digital COVID-19 EU yang dilaporkan hanya mengiktiraf vaksin AstraZeneca diluluskan Agensi Perubatan Eropah (EMA).

Sumber rapat dengan delegasi itu, berkata pihaknya dijangka mengeluarkan kenyataan esok selepas pertemuan terbabit.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Pertimbang beri sijil pengecualian vaksin COVID-19
- Kerajaan perhalusi kelonggaran penerima dos vaksin lengkap
- Mengumpul vaksin hanya akan jadikan pandemik lebih teruk - WHO
- Kerajaan, EU akan bincang isu pasport vaksin

TERKINI PILIHAN PEMBACA

8m MAQIS Selangor serah daging kepada Penjara Penor
14m Ubat artritis kurangkan kematian pesakit COVID-19
37m Kempen amal stesen radio Media Prima dapat sambutan
39m Sabah tuan rumah sambutan Hari Malaysia 2021
57m Peniaga lega dapat berniaga semula
1h Kondominium runtuh: Pencarian sukar susulan ribut Elsa
1h EURO: Pengalaman akan jadikan Sepanyol lebih kuat
1h MAHB buat laporan polis terhadap portal pelaburan

## VAKSIN


WILAYAH Jul 6, 2021 @ 6:31pm
1.5 juta terima vaksin di Sarawak


NASIONAL Jul 6, 2021 @ 6:27pm
Media Prima sediakan pusat vaksin untuk kakitangan


NASIONAL Jul 6, 2021 @ 5:51pm
58.3 peratus guru sudah divaksin


WILAYAH Jul 6, 2021 @ 5:22pm
Lebih 50 syarikat mahu sertai PIKAS di Negeri Sembilan



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 4:32pm
Vaksinasi melepasi 300,000 dos sehari

"Delegasi EU hanya akan mengeluarkan kenyataan pada hari esok selepas mengadakan perjumpaan bersama MOSTI," katanya kepada BH, hari ini.

Sebelum ini, Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin, dilaporkan berkata, Malaysia akan meminta penjelasan lanjut daripada EU berhubung dakwaan Sijil Digital COVID-19 EU hanya mengiktiraf vaksin AstraZeneca yang diluluskan EMA.

Susulan itu katanya, satu pertemuan akan diadakan bersama wakil EU di Malaysia berhubung perkara itu.

Khairy menegaskan yang Malaysia berpendirian, jika sesuatu vaksin itu diiktiraf Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), maka negara lain perlu memberi pengiktirafan kepada mereka yang menerima vaksin berkenaan.

"Malaysia juga berharap tiada diskriminasi dari segi kilang mana vaksin itu datang kerana produk AstraZeneca menggunakan formula sama, sama ada dikilangkan di Eropah, India, Korea Selatan atau Thailand," katanya.

Khairy menegaskan, sebarang langkah mengasingkan kilang tertentu dalam pengeluaran produk yang diiktiraf oleh WHO itu adalah tidak adil.

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Jul 3, 2021 @ 6:05pm

**Kerajaan akan dapatkan penjelasan EU isu pengiktirafan AstraZeneca**



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 11:18am

**'Semua negara perlu sepakat iktiraf semua jenis vaksin'**




NASIONAL Jul 5, 2021 @ 4:04pm

**'Tiada alasan EU bezakan vaksin Astra-Zeneca keluaran fasiliti lain'**



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:47pm

**Campuran dua vaksin diguna jika bekalan terganggu**

**Disyorkan untuk anda**

Recommended by



ASIA Jul 6, 2021 @ 2:14pm

**Negara lain pun boleh guna - Modi**

## TRENDING



BOLA 3 jam yang lepas

**EURO: Morata cipta sejarah**



BOLA 3 jam yang lepas

**Ronaldo sukar diurus - Sarri**



KES 10 jam yang lepas

**Panik terdengar bunyi loceng amaran**



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 4:42pm

**Permohonan moratorium pinjaman dibuka esok, lulus automatik**

## MYRESIPI



TIPS & PETUA Jul 6, 2021 @ 11:18am

**Tips Bersihkan Blender Atau Pengisar Dengan Mudah, Confirm Hilang Segala Bau!**



RESEPI Jul 6, 2021 @ 11:15am

**Resepi Daging Kari Masak Kicap, Aroma & Rasanya Membangkitkan Selera Weh!**



TIPS & PETUA Jul 5, 2021 @ 11:05am

**Tips Cuci Siput Sedut Sehingga Hilang Lumpur & Segala Lendir, Memang Berhasil Lah!**



RESEPI Jul 5, 2021 @ 11:03am

**Jom Cuba Resepi Spring Roll Buah-Buahan, Sesuai Untuk Korang Yang Tengah Diet!**



RESEPI Jul 2, 2021 @ 11:37am

**Jom Cuba Resepi Kukkra Curry, Kari Ayam Original Dari Nepal**

**Wanita yang berumur 52 tahun mampu kelihata...**
AsiaStory

**From Gaza to Xinjiang, Israel is increasingly in...**
Nikkei Asia

**Start investing too and you could have a second...**
Smart Investment

**British Developer Edo Mapelli Mozzi Says Luxury is...**
Mansion Global

**The Cost of Funeral Services in Malaysia in...**
Funeral | Search Ads

**Retirement Villages Near Petaling Jaya...**
Senior Living | Sponsor...

**Kajang: 800 vacant...**
Sign Up
SPEEDHOME

**COVID-19 - Latest news and coverage**
CNA



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi